

MM 16 SEP 1984

UMNO TETAP KAN TAJUK

MM 16 SEP 1984

DEBAT

Oleh
Razak Rashid Ghows

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Dakwaan PAS kononnya orang - orang UMNO adalah kafir hari ini ditetapkan sebagai tajuk perdebatan di antara UMNO dengan PAS yang akan disiarkan secara terus - menerus melalui televisyen.

Presiden UMNO, Mohd Sri Dr. Mahathir hamad ketika mengumumkan demikian hari ini berkata beliau mahu PAS membuktikan secara langsung kepada orang ramai tentang dakwaannya bahawa orang - orang UMNO tidak Islam dan darah orang UMNO halal agar rakyat tahu asas - asas yang digunakan dalam dakwaan itu.

Menurut Perdana Menteri, debat yang dicadangkan itu akan dilangsungkan pada bila - bila masa dan persiapannya dibuat dengan TV Malaysia sebaik saja ia dipersetujui oleh PAS.

Katanya, debat tersebut hendaklah disertai oleh tiga orang wakil dari UMNO dan tiga orang wakil dari PAS dengan dipengerusikan oleh seorang tokoh yang boleh dilantik atas persetujuan bersama kedua - dua parti.

dangkan itu kerana soal mengkafirkan orang - orang UMNO seperti yang dilakukan oleh PAS adalah tuduhan yang dahsyat.

Oleh itu, katanya, beliau berharap PAS akan mengemukakan nama orang - orangnya yang munasabah dan mempunyai kredibiliti untuk berdebat yang mana belum ini, Perdana Menteri UMNO juga akan melateri menjelaskan: kukan perkara yang "Kita terima kali ini sama.

kerana ia berkisar kepada isu yang khusus, Beliau juga menjelaskan bahawa dari awal - awal lagi beliau tidak nak tarik perhatian kepada diri mereka. Kita bertanggungjawab terhadap sebarang laporan akhbar mengenai isu debat itu yang melibatkan namanya.

"UMNO bukan bermaksud saya apabila membawa orang beramai - ramai untuk melaungkan Allahu-Akbar dengan PAS," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir. "PAS memang suka saya berkata UMNO sanggup berdebat dengan PAS," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Ditanya sama ada beliau sedia menerima ABIM atau Persatuan Ulama Malaysia untuk dijadikan orang tengah dalam pendebatan itu, beliau menegaskan pihak berkenaan tidak perlu kerana banyak lagi "orang - orang yang duduk di tengah yang boleh dicari."

Ditanya sama ada UMNO telah mengenalpasti 'orang - orang ketiga' yang telah menyerahkan kesdian dalam perbalahan UMNO - PAS, beliau berkata beliau memang mempunyai sedikit syak - wasangka tetapi pihak akhbar yang membesar - besarkannya.

Bagaimanapun, katanya, UMNO tidak membuat kajian mengeriainya dan tidak boleh kesan secara terang siapa mereka, "mungkin ada, mungkin tak ada."

Boleh bertindak

Bercakap kepada para wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau berpendapat debat itu tidak harus disrtai oleh lebih dari tiga orang bagi satu pihak iaitu seorang pencadang, seorang penyokong dan seorang lagi boleh bertindak selaku jurucakap yang ketiga.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa UMNO tidak mahu berdebat mengenai Surah Al-Baqarah atau Surah Al-Fatihah kerana ia tidak akan membawa kepada apa-apa keputusan memandangkan surah - surah berkenaan adalah terbuka kepada banyak tafsiran.

"Tetapi soalnya sekarang, PAS kata orang UMNO kafir, oleh itu dia kena beri ketcrangan tentang perkara berkenaan secara terbuka kepada seluruh rakyat.

"Dia mempunyai orang - orangnya untuk memberi keterangan dan kita pun ada orang kita untuk memberi keterangan khusus mengenai tajuk tersebut. Kalau PAS bsnyak beri alasan bermakna mereka mahu lari dari debat," tegas Perdana Menteri.

Beliau juga mengesahkan kenyataan Naib Presiden UMNO, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad bahawa PAS telah banyak kali gagal menghadiri cadangan - cadangan untuk berdebat sebelum ini.

"Dan kali ini kita hendak bawanya di depan rakyat untuk menerangkan kerana rakyat perlu tahu. Tetapi saya yakin walaupun rakyat tahu dakwaannya, ia tetap akan membuat dakwaan.

"Saya tahu bhawa perkara seumpama adalah salah, semua orang pun tahu tetapi dia tetap kata demikian, oleh itu kita harus memaklumkan kepada rakyat," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun beliau menolak anggapan setengah pihak bahawa debat antara UMNO dengan PAS adalah seolah - olah satu sandiwara di mana pihak - pihak tertentu membawa orang berhimpun dan menepuk sorak beramai - ramai.

apa yang dikatakan."

Jadi sekarang, menurut beliau, PAS hanya perlu bersetuju dan UMNO akan mengaturnya tanpa sebarang syarat.

Menjawab satu pertanyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tajuk mengenai dakwaan PAS terhadap UMNO mempunyai kaitan dengan Tajuk "Amanat Hadi" seperti yang dicadangkan oleh Datuk Wan Mokhtar baru-baru ini, kerana maksudnya serupa.

Menurut Perdana Menteri, beliau sendiri akan memilih orang - orang yang akan mewakili UMNO dalam debat itu dan mengesahkan bahawa Biro Agama UMNO Malaysia telah memberi pengakuan untuk mengambil bahagian.

"Datuk Wan Mokhtar selaku Pengerusi Biro Agama telah menyatakan kesediaan untuk berdebat selepas pengumuman tentang isu debat itu dibuat," terang beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa perkara - perkara lain tidak harus dibangkitkan dalam debat yang dican-